

**PERKAITAN DI ANTARA KESULITAN
EKONOMI, KUALITI PERKAHWINAN DAN
TINGKAH LAKU KEIBUBAPAAN DALAM
KALANGAN KELUARGA ETNIK
RUNGUS DI SABAH**



NORHAMIDAH BINTI JARIMAL @ SAFRI

**SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : PERKAITAN DI ANTARA KESULITAN EKONOMI, KUALITI PERKAHWINAN DAN TINGKAH LAKU KEIBUBAPAAN DALAM KALANGAN KELUARGA ETNIK RUNGUS DI SABAH

IJAZAH: SARJANA PSIKOLOGI (PSIKOLOGI SOSIAL)

SAYA NORHAMIDAH BINTI JARIMAL @ SAFRI
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: -

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


☐


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☒

TIDAK TERHAD


TANDATANGAN PENULIS


TANDATANGAN PUSTAKAWAN

Alamat Tetap:

Tarikh: 24 Jun 2010

Tarikh: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

**PERKAITAN DI ANTARA KESULITAN
EKONOMI, KUALITI PERKAHWINAN DAN
TINGKAH LAKU KEIBUBAPAAN
DALAM KALANGAN KELUARGA
ETNIK RUNGUS DI SABAH**

NORHAMIDAH BINTI JARIMAL @ SAFRI



UMS


**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PSIKOLOGI**

**SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**

PENGAKUAN

Saya akui karya ini hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Disember 2009



Norhamidah Binti Jarimal @ Safri
PS02-007-468



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : NORHAMIDAH BINTI JARIMAL @ SAFRI

NO. MATRIK : PS2002-007-468

**TAJUK : PERKAITAN DI ANTARA KESULITAN EKONOMI, KUALITI
PERKAHWINAN DAN TINGKAH LAKU KEIBUBAAPAN
DALAM KALANGAN KELUARGA ETNIK RUNGUS DI
SABAH**

IJAZAH : SARJANA PSIKOLOGI (PSIKOLOGI SOSIAL)

TARIKH VIVA VOCE : 17 DISEMBER 2009


DISAHKAN OLEH:

PENYELIA:

PROF. DR. ROSNAH ISMAIL



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Rosnah Ismail", is written over a horizontal line.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah SAW, keluarga dan sahabat-sahabat baginda. Selaut kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Illahi kerana mengurniakan saya kesabaran dan kekuatan dari segi mental dan fizikal untuk menyiapkan tesis yang bertajuk "Perkaitan di Antara Kesulitan Ekonomi, Kualiti Perkahwinan dan Tingkah Laku Keibubapaan Dalam Kalangan Keluarga Etnik Rungus di Sabah".

Pertama kali, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Dr. Hajjah Rosnah Ismail atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan yang dicurahkan. Juga dirakamkan ucapan penghargaan khusus kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi atas pembiayaan penyelidikan ini di bawah geran IRPA 07-02-10-0005-EA0005. Tanpa sokongan ini saya mungkin tidak berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana.

Penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih juga kepada beberapa jabatan yang terlibat iaitu Pejabat Daerah Kecil Matunggong, Kudat dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Saya tidak lupa bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh Prof. Dr. Rozumah Baharuddin, Prof. Dr. Rumaya Juhari, En. Paul Porodong, Cik Dayang Suria Hj. Mulia, Cik Getrude Cosmas dan Cik Agnis Sombuling (Kumpulan Penyelidik IRPA), Pensyarah UPPSiKS (En. Ferlis Hj. Bahari dan Pn. Lailawati Madlan), Pembantu Penyelidik (Pn. Armie Salapan dan En. Jeubirin Sopital), Rakan Setugas (En. Assis Kamu, Cik Jumarni Umar Achmad dan Dg. Norazeze Ag. Ahmad) serta enumerator khususnya Cik Jumina Kimin dan Cik Lilah Sulumai yang banyak membantu dalam proses terjemahan.

Ucapan terima kasih yang tidak ternilai harganya kepada bonda Marinang K. K. John dan ayahanda Jarimal @ Safri Uboi, kakak (Hafsah) dan adik (Dzulkernain, Muhd. Umar dan Muhd. Uthman) yang sentiasa memberi galakan dan sokongan untuk melanjutkan pengajian. Semoga Allah SWT meredhai jasa kalian. Akhir kata, penghargaan khas saya persembahkan kepada suami tersayang, Shahrudin Shanuar, Putera Safwan Akma dan Puteri Najah Auni Nadiyah atas pengertian dan sokongan padu yang diberikan.

Norhamidah Binti Jarimal @ Safri
Disember 2009

ABSTRAK

PERKAITAN DI ANTARA KESULITAN EKONOMI, KUALITI PERKAHWINAN DAN TINGKAH LAKU KEIBUBAAPAN DALAM KALANGAN KELUARGA ETNIK RUNGUS DI SABAH

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkaitan di antara kesulitan ekonomi, kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan keluarga etnik Rungus di daerah Kudat dan Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Seramai 243 responden lelaki dan perempuan (111 kawasan bandar dan 132 luar bandar) yang mempunyai anak berumur 7 hingga 17 tahun dan tinggal dalam keluarga yang lengkap telah dijadikan responden kajian. Pendekatan kajian ini adalah kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik *Economic Strain Questionnaire* (ESQ) bagi mengukur kesulitan ekonomi, *Kansas Marital Satisfaction Scale* (KMS) dan *Dyadic Adjustment Scale* (DAS) mengukur kualiti perkahwinan dan *Parent's Report* (PR) mengukur tingkah laku keibubapaan. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kesulitan ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kesulitan ekonomi, kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan. Selain itu, didapati kesulitan ekonomi dan kualiti perkahwinan memberikan pengaruh ke atas tingkah laku keibubapaan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

The main objective of this research is to study the relationship between economic hardship, marital quality and parenting behavior among Rungus families in Kudat and Kota Kinabalu, Sabah. The respondent comprised of male and female (111 urban and 132 rural) which have children aged between 7 to 17 years old and living in a complete family have been selected. The study method was conducted by survey using Economic Strain Questionnaire (ESQ) instrument to measure economic hardship, Kansas Marital Satisfaction Scale (KMS) and Dyadic Adjustment Scale (DAS) to measure quality of marriage and Parent's Report (PR) to measure parenting behavior. Results of the study shows there are significant differences on economic hardship between rural and urban area. The findings also indicate that there are significant relationships between economic hardship, marital quality and parenting behavior. Other than that, economic hardship and marital quality does have an significant effect on parenting behavior.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	8
1.3	Kepentingan Kajian	12
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Hipotesis Kajian	13
1.5.1	Perbezaan Antara Kesulitan Ekonomi, Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan Mengikut Lokasi	14
1.5.2	Perbezaan Antara Kesulitan Ekonomi, Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan Mengikut Jantina	14
1.5.3	Hubungan Antara Kesulitan Ekonomi, Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan	14
1.5.4	Hubungan Antara Dua Aspek Dalam Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan	15
1.5.5	Pengaruh Kesulitan Ekonomi Dan Dua Aspek Dalam Kualiti Perkahwinan Ke Atas Tingkah Laku Keibubapaan	15
1.6	Kerangka Teoritikal	15
1.6.1	Teori Ekologi Pembangunan Manusia	15
1.6.2	Kerangka Kerja Kajian	17
1.7	Definisi Konsep	18
1.7.1	Ciri Personal Responden	18
1.7.2	Kesulitan Ekonomi	19
1.7.3	Kualiti Perkahwinan	20
1.7.4	Tingkah Laku Keibubapaan	22

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Konsep Kesulitan Ekonomi	24
2.3	Hubungan Di Antara Kesulitan Ekonomi Dan Kualiti Perkahwinan	27
2.4	Hubungan Di Antara Kesulitan Ekonomi Dan Tingkah Laku Keibubapaan	35
2.5	Rumusan Sorotan Literatur	43

BAB 3 : KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Lokasi Kajian	45
3.4	Responden Kajian	45
3.5	Tatacara Kajian	46
	3.5.1 Tinjauan Awal	46
	3.5.2 Kajian Rintis	47
	3.5.3 Kajian Sebenar	48
3.6	Alat Kajian	49
	3.6.1 Bahagian A: Ciri Personal Responden	49
	3.6.2 Bahagian B: Kesulitan Ekonomi	49
	3.6.3 Bahagian C: Kualiti Perkahwinan	50
	3.6.4 Bahagian D: Tingkah Laku Keibubapaan	51
3.7	Analisis Data	52
	3.7.1 Penentuan Tahap Skor Dalam Skala	53

BAB 4 : HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	54
4.2	Analisis Deskriptif	55
	4.2.1 Profil Responden Dan Pasangan	55
	4.2.2 Tahap Kesulitan Ekonomi	57
	4.2.3 Tahap Kualiti Perkahwinan	58
	a. Kepuasan Perkahwinan	58
	b. Persetujuan Pasangan	59
	4.2.4 Tahap Tingkah Laku Keibubapaan	60
	4.2.5 Rumusan Analisis Deskriptif	61
4.3	Analisi Ujian-t	61
	4.3.1 Perbezaan Kesulitan Ekonomi, Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan Mengikut Lokasi	61
	4.3.2 Perbezaan Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan Mengikut Jantina	62
	4.3.3 Rumusan Berdasarkan Ujian-t	64
4.4	Analisis Korelasi Pearson	64
	4.4.1 Hubungan Antara Kesulitan Ekonomi, Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan	65
	4.4.2 Hubungan Antara Dua Aspek Dalam Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan	65
	4.4.3 Rumusan Analisis Korelasi	66
4.5	Analisis Regresi Mudah	66
	4.5.1 Pengaruh Kesulitan Ekonomi Terhadap Tingkah Laku Keibubapaan	66
	4.5.2 Pengaruh Kepuasan Perkahwinan Terhadap Tingkah Laku Keibubapaan	67
	4.5.3 Pengaruh Persetujuan Pasangan Terhadap Tingkah Laku Keibubapaan	68
	4.5.4 Rumusan Analisis Regresi Mudah	69
4.6	Rumusan Hasil Kajian	69

BAB 5 : PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	75
5.2	Perbincangan	76
5.2.1	Perbezaan Kesulitan Ekonomi, Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan Mengikut Lokasi	76
5.2.2	Perbezaan Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan Mengikut Jantina	77
5.2.3	Hubungan Antara Kesulitan Ekonomi, Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan	78
5.2.4	Hubungan Antara Kualiti Perkahwinan Dan Tingkah Laku Keibubapaan	79
5.2.5	Pengaruh Kesulitan Ekonomi Dan Kualiti Perkahwinan Terhadap Tingkah Laku Keibubapaan	80
5.3	Implikasi Kajian	81
5.4	Limitasi Kajian	83
5.5	Cadangan Dan Rumusan	84
5.6	Penutup	85

RUJUKAN

LAMPIRAN A (BORANG SOAL SELIDIK)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Kemiskinan berdasarkan etnik-etnik di Sabah 4
Jadual 1.2	Kadar Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar etnik Mengikut Kumpulan Etnik 1999 Dan 2004 4
Jadual 3.1	Taburan sampel kajian mengikut jantina 46
Jadual 3.2	Taburan sampel kajian mengikut lokasi 46
Jadual 3.3	Alpha cronbach bagi kesemua pemboleh ubah 48
Jadual 3.4	Skor pemarkatan bagi item-item positif dan negatif ESQ 50
Jadual 3.5	Skor pemarkatan bagi item-item DAS 51
Jadual 3.6	Skor pemarkatan bagi item-item positif dan negatif PR 52
Jadual 4.1	Analisis deskriptif profil responden dan pasangan 56
Jadual 4.2	Ringkasan data kesulitan ekonomi 57
Jadual 4.3	Ringkasan data kepuasan perkahwinan 58
Jadual 4.4	Ringkasan data persetujuan pasangan 59
Jadual 4.5	Ringkasan data Tingkah laku keibubapaan 60
Jadual 4.6	Perbezaan kesulitan ekonomi, kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan mengikut lokasi 61
Jadual 4.7	Perbezaan kualiti perkahwinan dan tingkah laku Keibubapaan mengikut jantina 63
Jadual 4.8	Korelasi pearson antara kesulitan ekonomi, kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan 64
Jadual 4.9	Pengaruh kesulitan ekonomi terhadap tingkah laku Keibubapaan 66
Jadual 4.10	Pengaruh kepuasan perkahwinan terhadap tingkah laku keibubapaan 67
Jadual 4.11	Pengaruh persetujuan pasangan terhadap tingkah laku keibubapaan 68
Jadual 4.12	Rumusan hasil kajian mengikut objektif kajian 70

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Kerangka kerja kajian perkaitan di antara kesulitan ekonomi, kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan dalam kalangan keluarga etnik Rungus di Sabah	18
Rajah 3.1	Rangka persampelan	44



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ESQ	Economic Strain Questionnaire
DAS	Dyadic Adjustment Scale
KMS	Kansas Marital Satisfaction Scale
PR	Parent's Report
IRPA	Intensification Research For Priority Areas
RRPJ2	Rangka Rancangan Jangka Panjang 2
PPLI	Planning Poverty Line Index
PPRT	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
SPKR	Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat
RM	Ringgit Malaysia
N/n	Bilangan
<i>M</i>	Min
Mdn	Median
<i>SP</i>	Sisihan Piawai
<i>t</i>	Ujian-t
<i>r</i>	Pekali Korelasi Pearson
β	Nilai Beta Piawai
<i>k</i>	Aras Kesignifikanan
%	Peratus



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, ketidaksamaan pendapatan termasuk dalam setiap kumpulan etnik telah meningkat. Aspek ketidaksamaan lain juga menunjukkan arah aliran yang membimbangkan. Walaupun jurang ketidaksamaan pendapatan etnik secara relatifnya telah mengecil sejak beberapa tahun kebelakangan ini, jurang tersebut dari segi nilai mutlak terus meluas. Ketidaksamaan antara negeri dan antara wilayah berterusan dan kekal lebar (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010).

Hasil kejayaan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan dan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia berkurangan daripada 8.5 peratus pada tahun 1999 kepada 5.7 peratus pada tahun 2004 dan bilangan isi rumah miskin berkurangan daripada 409,300 kepada 311,300. Peningkatan pendapatan purata isi rumah miskin daripada RM656 pada tahun 1999 kepada RM764 pada tahun 2004 telah mengecilkan jurang kemiskinan daripada 2.3 peratus kepada 1.4 peratus. Walau bagaimanapun, jurang kemiskinan di kawasan luar bandar adalah lima kali lebih tinggi berbanding dengan kawasan di bandar, menunjukkan kemiskinan di kawasan luar bandar adalah serius (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010).

Kadar kemiskinan di kawasan luar bandar berkurangan daripada 14.8 peratus pada tahun 1999 kepada 11.9 peratus pada tahun 2004 manakala bilangan isi rumah miskin berkurangan kira-kira 32.0 peratus daripada 323,200 kepada 219,700. Walaupun kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin di kawasan luar bandar berkurangan, namun kemiskinan masih ketara sebagai fenomena luar bandar dengan 70.6 peratus daripada isi rumah miskin tinggal di kawasan luar bandar (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010).

Kadar kemiskinan bandar berkurangan daripada 3.3 peratus pada tahun 1999 kepada 2.5 peratus pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, bilangan isi rumah miskin di bandar meningkat sebanyak 6.4 peratus kepada 91,600. Sebahagian besarnya

disebabkan oleh peningkatan isi rumah miskin di Sabah (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010).

Dari aspek kemiskinan mengikut kumpulan etnik, semua kumpulan etnik mencatat pengurangan kadar kemiskinan. Walau bagaimanapun, kemiskinan di kalangan Bumiputera kekal jauh tertinggi meskipun berkurangan daripada 12.4 peratus pada tahun 1999 kepada 8.3 peratus pada tahun 2004. Kadar kemiskinan di kalangan etnik India berkurangan daripada 3.5 peratus kepada 2.9 peratus manakala bagi etnik Cina, kadar kemiskinan berkurangan daripada 1.2 peratus kepada 0.6 peratus. Jurang kemiskinan di kalangan isi rumah Bumiputera adalah terbesar pada 2.1 peratus berbanding dengan 0.1 peratus bagi isi rumah Cina dan 0.6 peratus bagi India. Kekurangan kemahiran dan pencapaian pendidikan yang lebih rendah merupakan antara faktor yang dikaitkan dengan kemiskinan di kalangan semua kumpulan etnik (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010).

Berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 1999, kadar kemiskinan adalah tinggi di kalangan Kadazandusun, Bajau dan Murut di Sabah dan Bidayuh di Sarawak. Pada tahun 2002, Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah khas mengenai minoriti Bumiputera di Sabah dan Sarawak menunjukkan kadar kemiskinan adalah tinggi di kalangan Orang Sungei, Rungus, Bisaya dan Sulu atau Suluk di Sabah serta Bidayuh, Kenyah, Kayan, Kadayan, Penan dan Lun Bawang di Sarawak. Di samping itu, sebanyak 9,000 unit kediaman di Sabah dan 1,500 unit di Sarawak telah dibina di bawah Program Perumahan Rakyat untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik kepada isi rumah miskin dan berpendapatan rendah (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010).

Berdasarkan data yang diperolehi daripada Jabatan Statistik pada tahun 1999, negeri Sabah telah mencatat peratus kemiskinan yang tertinggi iaitu sebanyak 28.5 peratus jika dibandingkan dengan jumlah di peringkat nasional iaitu sejumlah 8.9 peratus. Kesulitan ekonomi adalah sebanyak 5.5 peratus dan merupakan angka yang tertinggi di Malaysia (Jabatan Statistik, 1999). Senario ini mempunyai hubung kait dengan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi di Sabah terutama di kawasan luar bandar. Kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi di kawasan luar bandar ini menyebabkan penduduk hidup dalam kesulitan ekonomi (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010).

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) telah diperkemaskan melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Dasar dan strategi program ini berteraskan kepada Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) yang memberi penekanan kepada pembangunan seimbang dan bermutu untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Menteri Pembangunan Luar Bandar Malaysia, Datuk Azmi Khalid, berkata dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan menetapkan sasaran untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5 peratus menjelang akhir 2005. Oleh yang demikian, SKPR dibentuk bagi memberi penekanan kepada usaha penyusunan semula masyarakat dan pengurangan kemiskinan supaya pembangunan pada masa akan datang lebih seimbang serta dapat mengurangkan jurang pendapatan antara golongan berada dengan kurang berada. Usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat ini diharapkan dapat menyumbang banyak faedah khasnya kepada keluarga miskin dan termiskin bagi memastikan sistem kekeluargaan dapat berfungsi dengan baik dan dapat mencapai kesejahteraan keluarga.

Kajian ini dijalankan dengan memberi fokus kepada perkaitan di antara kesulitan, kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan dalam kalangan keluarga etnik Rungus di Sabah. Kajian yang berkaitan dengan perkaitan kesulitan ekonomi, kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan yang menfokus kepada etnik masih kurang dijalankan di negeri Sabah. Justeru itu, kajian yang mengkhusus dalam bidang ini sangat penting dilaksanakan dengan mengambil kira keunikan negeri Sabah yang mempunyai pelbagai etnik dan latar belakang budaya.

Etnik Rungus dipilih dalam kajian ini berasaskan kepada data empirik yang diperolehi bahawa etnik ini berada pada ukuran garis kemiskinan yang kedua tertinggi berbanding etnik-etnik lain di Sabah. Kemiskinan berdasarkan etnik-etnik di Sabah dapat dilihat dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Kemiskinan Berdasarkan Etnik-Etnik Di Sabah

Etnik	Peratus (%)
Dusun	29.4
Rungus	24.3
Bajau	15.7
Orang Sungai	11.0
Lain-lain Etnik Bumiputera	7.8
Cina	11.9
Jumlah	100

Sumber: Mohd. Yaakub Johari & Bilson Kurus (2000)

Hasil kajian di atas disokong lagi dengan data-data yang jelas mengenai kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar mengikut kumpulan etnik pada tahun 1999 dan 2004 dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2: Kadar Kemiskinan Dan Kemiskinan Tegar Mengikut Kumpulan Etnik 1999 Dan 2004

Perkara	1999 (%)			2004 (%)		
	Bumiputera	Cina	India	Bumiputera	Cina	India
Kemiskinan Tegar	2.9	0.2	0.3	1.9	0.1	0.3
Bandar	0.7	0.1	0.2	0.7	<0.05	0.2
Luar Bandar	4.4	0.4	0.5	3.3	0.3	0.5
Kemiskinan Keseluruhan	12.4	1.2	3.5	8.3	0.6	2.9
Bandar	5.1	0.8	2.4	4.1	0.4	2.4
Luar Bandar	17.5	2.7	5.8	13.4	2.3	5.4
Jurang Kemiskinan	3.3	0.2	0.7	2.1	0.1	0.6

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia Penyiasatan Isi Rumah 1999 dan 2004

Beberapa kajian tempatan yang berkaitan dengan kekeluargaan telah dijalankan ke atas etnik Kadazandusun, Bajau dan Rungus di Sabah sebelum ini. Kajian yang telah dijalankan oleh *Rosnah et al.* (2004) ke atas etnik Rungus mendapati hubungan perkahwinan etnik ini rapat, intim dan saling berkasih sayang seperti mana keluarga

Dusun di luar bandar dalam kajian yang telah dijalankan oleh Rosnah dan Abdul Halim Othman (1999).

Dapatan kajian ini konsisten dengan dapatan kajian lain yang telah dijalankan oleh Rosnah Ismail (2001) mengenai interaksi keluarga Bajau yang mendapati bahawa keluarga Bajau di luar bandar mengekalkan interaksi yang kukuh dan rapat di antara ibu bapa dengan anak serta menjalinkan ikatan kasih sayang dan kemesraan yang tinggi di kalangan ahli-ahli keluarga. Keluarga Bajau di kawasan luar bandar mempunyai semangat kemasyarakatan dan konsep berdikari yang tinggi serta ahli-ahli keluarga saling bergantung dari segi sumbangan fizikal, sokongan sosial dan emosi serta saling berkomunikasi sesama mereka.

Kajian-kajian yang dijalankan di barat juga jelas menunjukkan keadaan keluarga yang mengalami kesulitan ekonomi memberi implikasi negatif sama ada kepada individu dalam keluarga, hubungan ibu bapa dengan anak-anak serta hubungan suami isteri. Kajian yang dijalankan oleh Brian J. H. (2009) mendapati bahawa kesulitan ekonomi mempunyai perkaitan dengan kualiti perkahwinan. Keluarga yang mempunyai pendapatan yang tinggi akan menghasilkan perkahwinan yang berkualiti dan sebaliknya.

Hasil kajian ini konsisten dengan kajian Tytti *et al.* (2004) yang mendapati bahawa kesulitan ekonomi memberikan implikasi negatif terhadap kesihatan mental ibu bapa, hubungan perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan. Reaksi individu ekoran daripada tekanan ekonomi yang dihadapi juga mempengaruhi kualiti perkahwinan antara suami isteri dan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak (McKenry & Price, 2000).

Pelbagai pendekatan yang digunakan oleh para pengkaji, ahli akademik dan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam meneroka dan menghurai kajian berkaitan dengan keluarga. Menurut Leslie (dlm. Yaacob Harun, 1991), untuk memahami institusi keluarga dengan mendalam, selain ilmu antropologi dan sosiologi, seseorang itu perlu juga mengetahui ilmu genetik, anatomi, psikologi, undang-undang, ekonomi, dan ilmu politik. Pengetahuan berkaitan ilmu tersebut dengan sendirinya dapat mengelak salah tanggapan tentang takrifan yang dibuat terhadap institusi

keluarga oleh para penulis dalam pelbagai disiplin ilmu disebabkan terpengaruh dengan bidang pengkhususan masing-masing.

Institusi keluarga merupakan unit asas yang penting dan perlu diberikan perhatian yang serius. Keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan masyarakat dan tamadun manusia. Jika aspek ini tidak menjadi fokus dan tumpuan utama, keadaan ini membawa kepada kehancuran dan kepincangan sosial yang jelas dan ketara.

Secara umumnya, keluarga ditakrifkan sebagai satu kelompok manusia yang mempunyai talian darah dan biologi sesama mereka. Keluarga nuklear ialah keluarga yang terdekat sekali dan keluarga luas merangkumi ahli-ahli keluarga seperti datuk, nenek, anak-anak saudara, ibu mentua dan sepupu. Menurut Shepard (1990), keluarga boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu keluarga orientasi dan keluarga prokreasi. Keluarga orientasi adalah keluarga di mana individu itu (dinamakan Ego) dilahirkan dan diberikan nama dan identiti. Dalam keluarga orientasi, Ego akan didedahkan dan diperkenalkan kepada budaya kelompoknya. Keluarga orientasi terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak.

Dalam kitaran kehidupan, Ego berkahwin dan mempunyai anak sendiri, seterusnya membentuk keluarga prokreasi sendiri. Ego dalam keluarga prokreasi ini akan menurunkan segala nilai dan norma budaya kepada anak-anak yang dilahirkan. Interaksi keluarga dapat dikaitkan dengan pencapaian kesejahteraan hubungan antara suami isteri (Mookherjee, 1997) dan interaksi keluarga yang tinggi merupakan aspek terpenting untuk mencapai kesejahteraan individu. Aspek ini dianggap begitu penting sekali kerana keluarga masih dianggap penting dalam prokreasi dan sosialisasi anak-anak walaupun fungsi-fungsi ini sebahagiannya telah diambil alih oleh institusi-institusi lain (Hendrix, 1997).

Bagi melahirkan sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni, salah satu aspek penting ialah kemampuan suami dan isteri untuk memikul tanggungjawab terhadap rumahtangga yang didirikan. Kemampuan-kemampuan ini merangkumi aspek-aspek kebendaan (kewangan), seksual dan sosial. Seseorang yang tidak memiliki sebarang sumber pendapatan untuk menyara keluarga atau tidak mempunyai pendapatan yang tidak mencukupi sukar untuk membentuk keluarga dengan baik.

Di samping itu, kemampuan seksual juga merupakan aspek terpenting dalam memperkukuhkan hubungan suami isteri dalam sesebuah rumahtangga. Seorang yang berakal tidak akan tampil untuk mendirikan rumahtangga jika dia merasakan dirinya tidak mempunyai kemampuan dari aspek ini.

Bagi membina keluarga yang kukuh, kemampuan bersosial juga salah satu aspek utama dan terpenting. Semua orang diizinkan oleh suasana sosialnya untuk mendirikan rumahtangga. Begitu juga halnya bagi seorang wanita yang terpaksa bertungkus lumus bagi menyara anak-anaknya yang yatim dan masih kecil. Jika wanita ini berkahwin dalam keadaan sedemikian, sudah tentu dia akan menjadi penyebab anak-anaknya terbiar tanpa asuhan dan didikan sempurna yang diperlukan oleh anak-anak.

Selain kemampuan-kemampuan bagi suami isteri, faktor saling rela-merelai juga penting untuk melahirkan sebuah keluarga yang cemerlang. Tanpa wujudnya faktor tersebut, keluarga akan gagal memainkan peranan untuk menuju ke arah kehidupan keluarga bahagia. Saling percaya mempercayai antara suami dan isteri hanya boleh wujud jika pasangan yang terbabit berasa yakin dan tenteram dengan pasangan masing-masing. Bagi mendapatkan keyakinan dan ketenteraman ini, kedua-dua pihak mestilah berusaha mendapatkan maklumat tentang bakal teman hidupnya atau orang yang ingin dijadikan pasangannya termasuklah dari segi kebendaan, moral dan sosial. Sebab itulah kedua-duanya perlulah kenal mengenal terlebih dahulu dan perlu diberi peluang untuk melihat bakal pasangannya.

Dalam perkahwinan suami isteri, niat seseorang yang ingin berkahwin penting dalam membentuk rumahtangga bahagia. Tujuan perkahwinan ialah untuk bekerjasama membina sebuah keluarga yang berjaya dan bahagia. Melalui kehidupan keluarga yang seperti ini, seseorang memberi sumbangan terhadap pembentukan masyarakat yang murni dan bahagia. Jika suami dan isteri mempunyai niat dan tujuan sedemikian, maka tercapailah kecemerlangan sebuah keluarga. Sebaliknya jika tujuan perkahwinan menyimpang dari tujuannya yang betul; umpamanya berkahwin kerana inginkan kemewahan atau semata-mata ingin bersuka-ria sahaja, maka keluarga yang didirikan sudah pasti akan gagal dan menuju keruntuhan.

Kesejahteraan dan kecemerlangan keluarga tidak hanya mementingkan kemewahan, kekayaan dan kebendaan semata-mata. Kecemerlangan sesebuah keluarga wujud melalui budaya hidup setiap ahlinya dalam berinteraksi sesama mereka, saling bergantung untuk mewujudkan kasih sayang, hormat-menghormati dan saling percaya-mempercayai antara satu sama lain.

Sosioekonomi mempunyai pertalian yang sangat rapat dengan kualiti perkahwinan suami isteri, kualiti tingkah laku keibubapaan dan kefungsi keluarga. Biasanya keluarga yang mempunyai taraf sosioekonomi yang baik mampu mempamerkan kualiti hubungan kekeluargaan yang sangat baik dan rapat antara ahli-ahli dalam keluarga. Namun demikian, realiti kehidupan bagi masyarakat Malaysia umumnya mungkin berbeza dengan kehidupan keluarga di negara barat. Apatah lagi negeri Sabah yang berada di antara negeri berada pada tingkat kemiskinan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

Kesimpulannya, kesejahteraan penduduk dalam sesebuah negara adalah berasaskan kepada kewujudan institusi keluarga yang mempunyai hubungan dan ikatan yang sangat kukuh, utuh, mantap dan kuat. Pernyataan ini adalah konsisten dengan saranan Wahlroos (dlm. Noller & Fitzpatrick, 1993) menyatakan "*The greatest happiness and the deepest satisfaction in life, the most intense enthusiasm and the most profound inner peace, all come from being a member of a loving family*".

1.2 Permasalahan Kajian

Kesulitan ekonomi merupakan satu fenomena sosial yang berlaku di segenap lapisan masyarakat tanpa mengira sempadan. Kesulitan ekonomi memberikan implikasi negatif terhadap kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara umpamanya kemiskinan, tekanan kewangan, kepayahan hidup, penderitaan, krisis rumahtangga, perceraian dan masalah tingkah laku anak-anak. Sejauh mana masalah ini wujud dalam kalangan keluarga etnik Rungus di Sabah, perlu pemahaman dan penelitian yang kritis dan mendalam.

Selaras dengan permasalahan di atas, terdapat tiga aspek yang menjadi fokus perbincangan dalam kajian ini. Aspek-aspek tersebut adalah kesulitan ekonomi, kualiti perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan. Ketiga-tiga aspek ini adalah saling berhubung kait antara satu sama lain.

Kesulitan ekonomi biasanya dikaitkan dengan masalah psikologi, sosial, ekonomi dan politik. Dari aspek psikologi, kesulitan ekonomi menyebabkan krisis keluarga, pertengkaran, perceraian, konflik diri dan seumpamanya. Kajian yang dijalankan oleh Brian J. H. (2009) mendapati bahawa kesulitan ekonomi mempunyai perkaitan dengan kualiti perkahwinan. Keluarga yang mempunyai pendapatan yang tinggi akan menghasilkan perkahwinan yang berkualiti dan sebaliknya.

Hasil kajian ini konsisten dengan kajian Tytti *et al.* (2004) yang mendapati bahawa kesulitan ekonomi memberikan implikasi negatif terhadap kesihatan mental ibu bapa, hubungan perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan. Reaksi individu ekoran daripada tekanan ekonomi yang dihadapi juga mempengaruhi kualiti perkahwinan antara suami isteri dan hubungan antara ibu bapa dan anak-anak (McKenry & Price, 2000).

Kesulitan ekonomi menimbulkan ketegangan dalam keluarga menyebabkan lebih banyak konflik berlaku dalam perhubungan perkahwinan yang seterusnya boleh mengurangkan penglibatan suami atau isteri dalam kehidupan anak-anak (Gomel, Tinsley, Parke & Clark, 1998). Perpisahan yang berlaku dalam keluarga kebiasaannya sering dikaitkan ekoran daripada kualiti perhubungan yang rendah selain daripada faktor ekonomi, sosial dan psikologi (Brennan, Barnett & Gareis, 2001).

Kajian Seccombe (2002) mendapati bahawa kesulitan ekonomi mempunyai perkaitan dengan kurangnya rasa gembira terhadap perkahwinan yang dilalui serta meningkatkan risiko konflik antara suami isteri akibat ketidakupayaan untuk menangani tekanan yang dihadapi. Kesulitan ekonomi memberikan kesan yang kurang baik terhadap peningkatan dalam risiko keretakan hubungan perkahwinan (Conger, 1990), keluarga yang tidak terorganisasi, penderaan fizikal dan pengabaian kanak-kanak (Kaduschin & Martin, 1981; Straus, Gelles, & Steinmetz, 1980).

Kesulitan ekonomi sering dikaitkan dengan kesan negatif. Kajian mendapati bahawa kesulitan ekonomi seperti tidak memiliki sebarang pekerjaan dan tingkat pendapatan yang rendah memberikan kesan negatif ke atas kesihatan mental dan kesejahteraan individu (Adler, Boyce, Cheney, Cohen, Folkman, Kahn & Syme, 1994;

Klebanov, Brooks-Gunn & Duncan, 1994; MacFadyen & Prince, 1996; Takeuchi, Williams, & Adair, 1991).

Dari aspek hubungan perkahwinan, kesulitan ekonomi memberikan kesan negatif terhadap peningkatan risiko keretakan hubungan perkahwinan (Bakke, 1940) (dlm. Conger, 1990), keluarga yang berpecah belah, penderaan fizikal dan pengabaian kanak-kanak (Kaduschin & Martin, 1981; Straus, Gelles, & Steinmetz, 1980). Dalam keadaan yang lain, tekanan ekonomi yang tinggi juga berpotensi mencetuskan masalah-masalah baru, menggalakkan dan menambahkan kerisauan serta cenderung menumpukan fikiran terhadap isu-isu kesulitan kewangan yang akhirnya menyebabkan rasa kecewa, perasaan marah dan depresi (Liker & Elder, 1983) (dlm. Conger & Elder, 1990).

Dari aspek yang lain, kesulitan ekonomi memberikan kesan negatif terhadap kepuasan perkahwinan antara suami dan isteri sekaligus menghalang persetujuan bersama berkaitan hal-hal perkahwinan. Perkahwinan yang tidak berkualiti memberikan kesan negatif terhadap ahli-ahli dalam keluarga terutamanya anak-anak. Kegagalan dan ketidakpuasan dalam perkahwinan membawa kepada masalah penyesuaian di kalangan anak-anak umpamanya gagal melibatkan diri dengan aktiviti keluarga dan kurang komunikasi antara keluarga (Jouriles, 1991). Konflik perkahwinan merupakan petunjuk kepada masalah tingkah laku anak-anak. Dapatan kajian menunjukkan lebih kurang 40 peratus hingga 50 peratus anak-anak yang terdedah kepada permasalahan perkahwinan ibu bapa yang serius menimbulkan tingkah laku nakal anak yang tinggi (Jouriles, 1989).

Dalam era negara kita mengharungi arus globalisasi dan industrialisasi, kehidupan semakin mencabar dan aspek kewangan menjadi pertimbangan utama. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan antara tahap pendapatan dan kepuasan perkahwinan (Albrecht, 1979; Kerhoff & White, 1978; Glenn & Weaver, 1978; Jorgensen, 1979). Faktor kewangan boleh mempengaruhi kestabilan perkahwinan dan menggugat kesejahteraan keluarga. Kesulitan kewangan menyebabkan permasalahan keluarga terutama sekali dalam kehidupan bandar yang serba mencabar. Kesempitan dan tekanan kewangan boleh mengganggu ikatan perkahwinan (Rosnah Ismail, 1999).